

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**

**PARLIMEN KETIGA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' NORAINI AHMAD**  
**(PARIT SULONG)**

**TARIKH : 24 MAC 2015**

**SOALAN :**

**Y.B. DATO' NORAINI AHMAD** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk meneruskan penggubalan Akta Keharmonian Nasional untuk menggalakkan semangat harmoni dan saling hormat menghormati dalam kalangan rakyat berbagai kaum di Negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Memang terdapat cadangan untuk menggubal Akta Keharmonian Nasional untuk menggalakkan semangat harmoni dan saling hormat menghormati di kalangan rakyat pelbagai kaum di Negara ini. Menyusuli tindakan ke atas cadangan itu, kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah pun mengadakan

perbincangan tentang ciri-ciri yang perlu dicadangkan dalam Akta Keharmonian Nasional terutama berkaitan dengan pernyataan dasar dan halatuju Akta Keharmonian Nasional.

Ia juga turut mengambilkira pandangan-pandangan dari pelbagai pihak tentang kandungan yang perlu diambilkira.

Di antara perkara-perkara yang diberi tumpuan, bahawa Akta Keharmonian Nasional perlu mempunyai ciri-ciri atau elemen pendidikan, pencegahan, mempromosi perpaduan, kepelbagaian sosio-budaya, kesederhanaan dan pemulihan.

Setelah dimuktamadkan pernyataan dasar dan halatuju Akta Keharmonian Nasional, ia akan dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri untuk diteliti dan diperhalusi.

Dalam menggubal peruntukan undang-undang baharu dan peruntukan pindaan terhadap undang-undang yang sedia ada, hendaklah dipastikan bahawa apa-apa peruntukan undang-undang baharu yang digubal itu atau peruntukan undang-undang yang sedia ada yang dipinda itu adalah bagi menjadikannya lebih baik dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan prinsip asas undang-undang.

Sekian, terima kasih.